

Bil. S 45

**PEMASYHURAN MENGANGKAT RAJA DAN MELANTIK PEMANGKU RAJA
(PINDAAN), 2004**

Adalah dengan ini diberitahu untuk makluman orang ramai bahawa pada mesyuarat Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja yang diadakan pada 21 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1425 bersamaan dengan 11 haribulan Mei, 2004, Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja telah meluluskan pindaan ke atas Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Bertarikh 24 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1425 bersamaan dengan 11 haribulan Ogos, 2004.

**PEHIN ORANG KAYA SETIA PAHLAWAN DATO SERI
SETIA DR. AWANG HAJI AHMAD BIN HAJI JUMAT**
Pemangku Setiausaha Sementara,
Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja.